



MESTEC

**Sinergisme Ke Arah
Kemampanan Negara dan Kesejahteraan Rakyat**

A photograph of a family in a park. A man in a white t-shirt and dark pants is pushing a young boy on a red bicycle. A woman in a light blue hijab and a patterned dress is holding a baby in a pink outfit. They are walking on a paved path through a grassy area with large trees. The scene is bright and sunny.

**Sinergisme Ke Arah
Kemampunan Negara
dan Kesejahteraan Rakyat**



Sinergisme Ke Arah Kemampanan Negara dan Kesejahteraan Rakyat

ISBN 978-967-13297-8-8

© Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi,
Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, 2019

Hak Cipta Terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan sisi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Setiausaha, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Aras 6, Blok C5, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62662 Putrajaya.

Unit Komunikasi Korporat

**Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi,
Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)**

Aras 6, Blok C5, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62662 Putrajaya

Telefon : (603) 8885 8141

Faks : (603) 8890 3092

E-mel : ukk@mestecc.gov.my

Laman web : www.mestecc.gov.my

- @mestecc
- @MyMESTECC
- @mestecc
- MESTECC



Kandungan

PERUTUSAN

Menteri

Tenaga, Sains, Teknologi,
Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

2

SEBAIT MADAH

Timbalan Menteri

Tenaga, Sains, Teknologi,
Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

4

SEPATAH BICARA

Ketua Setiausaha

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi,
Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

5

EVOLUSI PEMBENTUKAN MESTECC

7

SOROTAN EKSKLUSIF MESTECC

13

- Momen Istimewa Terukir Selamanya 14
- Program Utama Keberhasilan Saksama 20
- MESTECC di Persada Antarabangsa 80
- Kunjungan Hormat Menggerak Kerjasama 92
- Turun Padang Mencakna Masalah Rakyat 100
- Hubungan Harmoni Bersama Media 120
- Semarak Kasih Bersama Warga MESTECC 124

RUJUKAN

142

SIDANG REDAKSI

143

PENGHARGAAN

144

PERUTUSAN

YB PUAN YEO BEE YIN

MENTERI

**TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI,
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

Bukan setakat mempunyai nama terpanjang berbanding kementerian-kementerian yang lain, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dibentuk untuk menggalas tanggungjawab besar dalam tiga sektor yang memainkan peranan yang amat penting dalam mengimbangi pembangunan negara dan kelestarian alam sekitar iaitu Sektor Tenaga, Sektor Sains, Teknologi dan Inovasi serta Sektor Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Sinergisme ketiga-tiga sektor ini menjadikan MESTECC sebuah kementerian yang paling penting dalam memacu kemampuan pembangunan negara dan seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan rakyat.

Ini adalah selaras dengan komitmen kerajaan untuk mencapai Agenda 2030 bagi merealisasikan Sustainable Development Goals (SDG) atau Matlamat Pembangunan Mampan. Dalam konteks ini, Malaysia menekankan elemen pembangunan mampan merangkumi pertumbuhan ekonomi yang lestari, pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama kepada semua masyarakat, akses kepada infrastruktur dan utiliti asas, akses kepada pendidikan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan pemuliharaan alam sekitar.

Dalam usaha melaksanakan tanggungjawab bagi memacu kemampuan negara, MESTECC telah menetapkan beberapa fokus utama bagi setiap sektor agar perancangan dan tindakan yang akan diambil akan menghasilkan impak yang positif kepada rakyat dan negara.

Dalam aspek tenaga, MESTECC akan memastikan bahawa Sektor Tenaga menjadi sektor yang berdaya harap dan cekap. Sektor Tenaga bertanggungjawab dalam mengurus sumber tenaga secara strategik, memastikan ketelusan pasaran tenaga, mengoptimumkan tenaga boleh baharu dan kecekapan ini juga dapat menjamin perkhidmatan bekalan elektrik yang berterusan, mampu bayar dan lestari.

Bagi Sektor Sains, Teknologi dan Inovasi, MESTECC memfokuskan untuk mencipta kekayaan bagi rakyat melalui sains dan teknologi. Ini akan direalisasikan melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang '*demand-driven*' hasil kerjasama rapat dengan industri, peningkatan pengkomersialan teknologi ke pasaran dan peningkatan produktiviti industri melalui aplikasi sains dan teknologi.

MESTECC juga komited untuk memastikan alam sekitar yang bebas daripada pencemaran dan berdaya tahan terhadap perubahan iklim. Dalam usaha ini, MESTECC akan memimpin negara ke arah masa depan bebas plastik (bukan biodegradasi), mengurangkan pencemaran melalui pendidikan dan penguatkuasaan yang lebih baik serta menyediakan negara untuk menangani perubahan iklim melalui tindakan adaptasi dan mitigasi.

Menyingkap kembali tarikh 9 Mei 2018 yang penuh bersejarah bagi Malaysia, mengingatkan saya pada catatan-catatan impian, hasrat dan keazamanan yang telah saya coretkan dalam buku pertama saya, '*Reimagining Malaysia*'. Hasil perjuangan dan kesungguhan rakyat Malaysia pada tanggal keramat itu jugalah, telah membawa pada pembentukan MESTECC, yang memberi peluang untuk merealisasikan impian dan cita-cita Malaysia Baharu demi generasi yang akan datang.

Maka sesungguhnya segala perancangan dan usaha ke arah mencapai fokus-fokus ini memerlukan komitmen yang tinggi daripada setiap warga MESTECC. Saya berharap kita akan terus membudayakan nilai-nilai MESTECC iaitu Integriti, Kecemerlangan dan Fokus Masa Hadapan dalam setiap tugas dan tanggungjawab yang dilaksanakan. Saya yakin, dengan kecemerlangan dan integriti setiap warga, MESTECC akan mampu menyumbang untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang mempunyai fokus masa hadapan yang gemilang.

Sekian.



“

Malaysia menekankan elemen pembangunan mampan merangkumi pertumbuhan ekonomi yang lestari, pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama kepada semua masyarakat, akses kepada infrastruktur dan utiliti asas, akses kepada pendidikan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan pemuliharaan alam sekitar.”

YB PUAN YEO BEE YIN



SEBAIT MADAH

**YB PUAN ISNARAISAH MUNIRAH
BINTI MAJILIS**

**TIMBALAN MENTERI
TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI,
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

Lafaz penuh kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita telah berjaya mengharungi pelbagai cabaran dan mencipta banyak kejayaan dalam tempoh lebih setahun pembentukan MESTECC.

Saya berbesar hati dapat menerajui kementerian ini bersama-sama dengan YB Puan Yeo Bee Yin. Selaku pemimpin wanita yang masih muda dalam arena ini, saya dan YB Yeo berasa sangat beruntung dan bersyukur kerana sentiasa mendapat kerjasama daripada warga MESTECC untuk memacu sinergisme MESTECC ke arah kemampanan negara dan kesejahteraan rakyat. Nafas baharu dalam Kementerian ini diharap dapat melonjakkan lagi visi dan misi Kementerian.

Sinergisme MESTECC pada hari ini adalah berpasak pada tiga sektor utama kementerian iaitu Sektor Tenaga, Sektor Sains, Teknologi dan Inovasi serta Sektor Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Sinergisme ini diaspirasikan bagi memperkasakan negara dan rakyat melalui pengurusan tenaga yang lebih telus dan cekap, menjana ekonomi berdasarkan sains dan teknologi dan menyediakan generasi fokus masa hadapan serta menjamin kelestarian alam sekitar dan memperhebat agenda menangani perubahan iklim.

Dengan ini, saya menyeru semua warga MESTECC untuk berganding bahu bagi merealisasikan aspirasi kementerian ini dan memastikan MESTECC terus unggul menjayakan visi 'Kemampanan Tenaga, Penciptaan Kekayaan melalui Sains dan Teknologi dan Kelestarian Alam Sekitar'.

Sekian.

SEPATAH BICARA

**YBHG. DATUK SERI DR. MOHD AZHAR
BIN HJ. YAHAYA**

KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI,
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Syukur ke hadrat Allah SWT dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Buku "MESTECC: Sinergisme ke arah Kemampuan Negara dan Kesejahteraan Rakyat" ini dapat diterbitkan.

Penggabungan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sebelum ini dengan fungsi tenaga dan teknologi hijau serta alam sekitar dan perubahan iklim merupakan satu agenda yang besar bagi memastikan kelestarian pembangunan negara. Bersyukur kepada Illahi dengan izin-Nya, proses dan usaha bagi penggabungan kesemua fungsi ini bagi melahirkan satu sinergi baharu dapat dibukukan.

Buku ini merupakan usaha mendokumentasi maklumat berhubung susur-galur dan rakaman lensa momen-momen penting dalam pembentukan MESTECC. Buku ini turut memanifestasikan penggabungan komponen tenaga, sains dan teknologi serta alam sekitar dan perubahan iklim dalam satu Kementerian yang menyumbang ke arah pengurusan sumber tenaga yang mampan, pembudayaan sains dan teknologi, serta pengurusan alam sekitar yang lestari. Sinergisme yang terhasil daripada penggabungan ini bukan sahaja untuk memenuhi keperluan generasi masa kini malah menitikberatkan kesejahteraan generasi akan datang.

Semoga buku ini akan dapat menonjolkan peranan dan usaha warga MESTECC dalam menyelaras, memperkasa dan mengukuhkan tadbir urus Sektor Tenaga, Sektor Sains, Teknologi dan Inovasi serta Sektor Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

Pada kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga kerja MESTECC atas kejayaan yang telah kita usahakan bersama. Semoga kita terus komited untuk melaksanakan segala perancangan dan inisiatif Kementerian agar MESTECC menjadi sebuah organisasi yang lebih cemerlang dan gemilang.







Sinergisme Ke Arah
Kemampunan Negara dan Kesejahteraan Rakyat

EVOLUSI PEMBENTUKAN MESTECC

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) telah terbentuk pada Mei 2018 susulan penyusunan semula kementerian-kementerian selepas Pilihanraya Umum ke-14. MESTECC merupakan gabungan keseluruhan komponen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), komponen tenaga dan teknologi hijau daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTHHA) dan komponen berkaitan perubahan iklim dan alam sekitar dari NRE.

Hasil gabungan ini menjadikan MESTECC sebuah kementerian yang mempunyai fungsi dan skop yang luas dengan tiga sektor utama negara iaitu Sektor Tenaga, Sektor Sains, Teknologi dan Inovasi serta Sektor Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Melalui penggabungan ini, maka terhasillah sinergisme yang hebat berdasarkan pada kesaling bergantungan dan keperluan untuk menyokong antara satu sama lain bagi mencapai pembangunan negara dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan ekonomi dan kesejahteraan rakyat selaras dengan hasrat 'Kemakmuran Bersama'.



KRONOLOGI PENGGABUNGAN DAN PEMBENTUKAN MESTECC

	SEKTOR TENAGA	SEKTOR SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI	SEKTOR ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
1970		Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan	
1973	Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos		
1974	Kementerian Tenaga, Teknologi dan Pendidikan	Kementerian Tenaga, Teknologi dan Pendidikan	
1975			Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar
1976		Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (MOSTE)	Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (MOSTE)
1980	Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia		
2004	Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (KTAK)	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)
2009	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia (KeTTHA)		
2018	KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM		

SEKTOR TENAGA

Sebelum pembentukan MESTECC, Sektor Tenaga terletak di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). KeTTHA telah ditubuhkan pada 9 April 2009 ekoran daripada rombakan Kabinet dan penstrukturuan semula kementerian. Sebelum itu, KeTTHA dikenali sebagai Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (KTAK) yang telah ditubuhkan pada 27 Mac 2004 melalui penstrukturuan semula Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Berikut daripada rombakan Kabinet 2009, satu fungsi baharu dimasukkan ke dalam KeTTHA iaitu Teknologi Hijau. Serentak dengan itu, fungsi 'komunikasi' dipindahkan keluar ke Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK).



Kemasukan fungsi dan tanggungjawab berkaitan merancang, merangka dasar dan program-program teknologi hijau menunjukkan kesungguhan Kerajaan Malaysia bagi menerajui inisiatif menangani isu-isu global semasa seperti pencemaran alam sekitar, penipisan lapisan ozon dan pemanasan global.

Pada Mei 2018, komponen tenaga dan teknologi hijau, KeTTHA digabungkan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan komponen alam sekitar dan perubahan iklim daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) bagi membentuk MESTECC.



SEKTOR SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Kewujudan Sektor Sains, Teknologi dan Inovasi adalah bersusur-galur daripada penubuhan Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan pada tahun 1970. Pada tahun 1974, kementerian ini (pada ketika itu) telah mengalami beberapa perubahan dan dinamakan sebagai Kementerian Tenaga, Teknologi dan Pendidikan.

Pada 5 Mac 1976, barisan kabinet memutuskan untuk merombak semula Kementerian ini menjadi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (MOSTE). Rombakan ini adalah selaras dengan fungsi kementerian sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam merancang, mewujudkan dan menyelaras aktiviti sains, teknologi dan alam sekitar di dalam negara sejajar dengan keperluan negara. Di bawah MOSTE, terdapat tiga bahagian iaitu Bahagian Sains dan Teknologi, Bahagian Tenaga dan Kuasa Nuklear serta Bahagian Alam Sekitar. Selain itu, terdapat beberapa buah jabatan dan majlis yang berfungsi di bawah naungan MOSTE.

Penstrukturkan semula MOSTE telah dibuat pada 27 Mac 2004 dan nama Kementerian ditukar kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bagi menerajui fungsi pembangunan ICT negara, multimedia dan inovasi. Pada tahun 2007, fungsi sains dan teknologi dipecahkan mengikut kluster Bioteknologi, ICT, Industri, Angkasa, Laut dan Atmosfera dan Teras Sains dan Teknologi. Pada 3 Oktober 2016, MOSTI distrukturkan semula dengan fokus untuk merancakkan program pengkomersialan hasil R&D dan inovasi negara.

Selepas Pilihanraya Umum ke 14 (PRU-14), keseluruhan komponen MOSTI telah digabungkan bersama komponen tenaga dan teknologi hijau serta komponen alam sekitar dan perubahan iklim bagi membentuk MESTECC.



SEKTOR ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar ditubuhkan bagi mengawal selia aktiviti-aktiviti pemuliharaan alam sekitar pada 15 April 1975. Bahagian Alam Sekitar kemudiannya ditempatkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (MOSTE) pada Mac 1976. Berdasarkan kepada kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, tanggal 1 September 1983, Bahagian Alam Sekitar telah dinaik taraf menjadi sebuah jabatan sepenuhnya dan dikenali sebagai Jabatan Alam Sekitar Malaysia (JAS). Penubuhan Jabatan ini adalah berdasarkan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang diwartakan pada Mac 1974 dan dikuatkuasakan pada 15 April 1975. Dengan perkembangan ini, JAS diletakkan di bawah tanggungjawab Bahagian Pengurusan dan Pemuliharaan Alam Sekitar (BPPAS) yang ditubuhkan dengan fungsi yang lebih luas dalam pengurusan alam sekitar.

BPPAS seterusnya dikenali sebagai Bahagian Konservasi Alam Sekitar (BKAS) yang bertanggungjawab menggubal dasar, strategi dan pelan serta menyelaras aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh JAS, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM).

Pada Mac 2004, BKAS diletakkan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) bersama-sama dengan JAS. BKAS kemudian dikenali sebagai Bahagian Pengurusan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (BPASPI) yang mana fungsi-fungsi bahagian telah disusun semula dengan penumpuan kepada pengurusan kualiti alam sekitar dan penyelarasaran tindakan perubahan iklim negara.

Susulan daripada rombakan Jemaah Menteri pada Mei 2018, BPASPI dan JAS diletakkan di bawah MESTECC. Kemudian, pada 25 Mac 2019, Sektor Alam Sekitar dan Perubahan Iklim telah diwujudkan dengan penggabungan fungsi pengurusan kualiti alam sekitar dan pengurusan perubahan iklim daripada BPASPI, pelaksanaan dasar berkaitan teknologi hijau daripada Sektor Teknologi Hijau KeTTHA dan pengurusan lautan lestari daripada Sektor Sains, Teknologi dan Inovasi, MOSTI.





Sinergisme Ke Arah
Kemampunan Negara dan Kesejahteraan Rakyat

SOROTAN EKSKLUSIF MESTECC

- MOMEN ISTIMEWA TERUKIR SELAMANYA
- PROGRAM UTAMA KEBERHASILAN SAKSAMA
 - MESTECC DI PERSADA ANTARABANGSA
- KUNJUNGAN HORMAT MENGERAT KERJASAMA
- TURUN PADANG MENCAKNA MASALAH RAKYAT
 - HUBUNGAN HARMONI BERSAMA MEDIA
- SEMARAK KASIH BERSAMA WARGA MESTECC

MOMEN ISTIMEWA TERUKIR SELAMANYA

2 Julai 2018

Pelantikan YB Menteri dan YB Timbalan Menteri
Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

Istiadat Angkat Sumpah Jawatan Menteri Kabinet Persekutuan Baharu pada 2 Julai 2019 telah menyaksikan YB Puan Yeo Bee Yin dilantik sebagai Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, manakala YB Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis sebagai Timbalan Menteri.





3 Julai 2018

Clock In Hari Pertama YB Menteri dan YB Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

YB Puan Yeo Bee Yin dan YB Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis *clock in* hari pertama bagi memulakan tugas di MESTECC.





“

***In my Ministry,
you don't need to know me,
you only need to know how.***

YB PUAN YEO BEE YIN | 12 Julai 2019



13 Julai 2018

**Majlis Penyerahan Nota Serah
Tugas oleh Mantan Menteri
Sains, Teknologi dan Inovasi
kepada Menteri Tenaga, Sains,
Teknologi, Alam Sekitar dan
Perubahan Iklim**

Penyerahan Nota Serah Tugas bagi portfolio sains, teknologi dan inovasi (STI) oleh YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau kepada YB Puan Yeo Bee Yin.

28 Oktober 2018

Majlis Apresiasi Jabatan dan Agensi yang Dipindahkan Fungsinya ke Kementerian Lain

MESTECC meraikan jabatan dan agensi yang dipindahkan fungsinya ke kementerian lain iaitu Jabatan Standard Malaysia, SIRIM Berhad dan MIMOS Berhad ke Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI), CyberSecurity Malaysia ke Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) dan Bioeconomy Corporation ke Kementerian Pertanian Malaysia (MOA).



4 Mac 2018

Penggabungan Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) dan Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) bagi Membentuk Agensi Angkasa Malaysia (Malaysian Space Agency – MYSA)

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Februari 2019 telah meluluskan penggabungan Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) dan Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) bagi membentuk Agensi Angkasa Malaysia (Malaysian Space Agency – MYSA). Inisiatif penubuhan MYSA adalah bagi memastikan pembangunan dan pengurusan sektor angkasa negara yang lebih strategik, teratur dan komprehensif.



PROGRAM UTAMA KEBERHASILAN SAKSAMA

29 Julai - 4 Ogos 2018

ASEAN+3 Junior Science
Odyssey 2018-APT JSO 2018

ASEAN+3 Junior Science Odyssey (APTJSO) merupakan kem sains tahunan untuk pelajar berumur antara 13 hingga 15 tahun. Kem sains ini direka bentuk untuk membangunkan bakat muda dan memupuk mereka menjadi saintis dan inovator masa depan. Malaysia selaku tuan rumah bagi pertandingan kali ini telah diwakili oleh empat buah pasukan iaitu daripada Sekolah Menengah Sains Kucing, Sekolah Menengah Sains Lahad Datu, Kolej Melayu Kuala Kangsar dan Kolej Tunku Kursiah.











24 September 2018

Town Hall Session to
Address Single-Use Plastics

Sesi Town Hall bagi membincangkan dan menangani isu plastik sekali guna (*single-use plastic*) secara holistik ini telah disertai oleh lebih daripada 500 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai latar belakang seperti Exco Negeri, pemain industri, ahli akademik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), swasta, institut pengajian tinggi awam/swasta dan orang awam.



24 September 2018

Majlis Penyerahan Memorandum Persefahaman antara Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) dengan Pakar Teknologi

YB Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis, Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dan YB Dato' Mahfuz bin Omar, Timbalan Menteri Sumber Manusia telah menyaksikan penyerahan 21 Memorandum Persefahaman (MoU) antara Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) dan Panel Pakar Teknologi (TEP) bersempena dengan MBOT Townhall.



25 September 2018

Bioeconomy Day 2018

MESTECC melalui Bioeconomy Corporation telah menganjurkan Bioeconomy Day 2018 dengan tema '*Bioeconomy Beyond Borders*'. Forum yang diadakan ini memberi tumpuan kepada prospek pembangunan bioekonomi di Malaysia, termasuk mengubah sumber bio untuk bioekonomi, akses ke pasaran dan rantaian bekalan bioekonomi dunia. Pameran oleh syarikat-syarikat berdasarkan bio di Malaysia turut diadakan serta pelancaran Bioeconomy Plantopia Program dan Bioeconomy Plantzania Mini Carnival yang bertujuan untuk mendedahkan para pelajar sekolah kepada biosains.





25 September 2018

Sambutan Hari Ozon Sedunia Tahun 2018

Hari Ozon Sedunia Tahun 2018 yang dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dengan kerjasama United Nations Development Programme (UNDP) telah disambut dengan tema '*Keep Cool and Carry On: The Montreal Protocol*'. Antara program yang dijalankan semasa sambutan ialah Workshop on Safety and Alternatives on Blowing Agent for Malaysian Industries in Foam Sector dan Workshop on Recycle and Reclaim of Refrigerants and the Emerging Alternatives in the Market (Refrigeration and Air Conditioning Sector).



26 September 2018**Pelancaran Projek Loji
Demonstrasi Solar Termal
Pertama**

Projek Loji Demonstrasi Solar Termal yang dibangunkan oleh SIRIM dengan kerjasama Organisasi Pembangunan Perindustrian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNIDO) ini merupakan loji demonstrasi yang menggunakan teknologi solar termal pertama seumpamanya dibina pada skala industri di negara ini. Loji demonstrasi ini mampu menyediakan tenaga pemanasan solar yang mampan untuk proses pelecuran ayam dan itik, yang dapat menggantikan 80 peratus tenaga pemanasan oleh dandang elektrik yang digunakan dalam operasi.




1 – 4 Oktober 2018

Pertandingan Robot Tempur Malaysia 2018

Pertandingan Robot Tempur Malaysia merupakan salah satu platform bagi menggilap bakat dan potensi diri peserta untuk lebih kreatif dan inovatif dalam melahirkan lebih ramai pakar muda dalam bidang teknologi robotik.



Rekaan robot tempur oleh UPM Robotic Club dari Universiti Putra Malaysia



1 – 4 Oktober 2018

Kejohanan Roket Kebangsaan 2018 (KRK2018)



MESTECC melalui Planetarium Negara telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Universiti Malaya (UM) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam penganjuran Kejohanan Roket Kebangsaan 2018 (KRK2018). Kejohanan ini merupakan sebuah pertandingan roket air berbentuk 'sukan saintifik' yang menggabungkan aktiviti kecerdasan fizikal di atas padang dan aplikasi teori sains berkaitan dengan teknologi pembinaan dan pelancaran roket.

9 – 11 Oktober 2018

Nano Kebangsaan 2018

Nano Kebangsaan (NanoKeb) merupakan program tahunan Pusat Nanoteknologi Kebangsaan (NNC), MESTECC yang diadakan sebagai satu platform penggiat nanoteknologi untuk berinteraksi mengenai perkembangan bidang ini. Program ini juga bertindak sebagai medium kesedaran mengenai bidang nanoteknologi terutamanya kepada pelajar sekolah menengah. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang NanoKeb 2018 berlangsung ialah National Electrospinning Workshop 2018, Workshop on Nanobiotechnology for Food, Agriculture and Health, Nanotechnology in Agriculture Seminar 2018, Workshop on NanoManufacturing dan Pertandingan Projek Penyelidikan Inovasi Nanoteknologi (PIN).





15 Oktober 2018

The 39th Asian Conference
on Remote Sensing (ACRS 2018)

The 39th Asian Conference on Remote Sensing (ACRS 2018) adalah acara tahunan yang dihoskan oleh Asian Association on Remote Sensing (AARS). Persidangan ini menjadi platform bagi para peserta dari sektor kerajaan, industri dan akademik untuk bertemu dan membincangkan mengenai kemajuan terkini dalam penginderaan jarak jauh dan teknologi yang berkaitan. Persidangan ini juga menyediakan peluang kepada peserta pameran untuk memperkenalkan produk, proses dan teknologi canggih terkini.



17 – 20 Oktober 2018

Persidangan dan Pameran Antarabangsa
Teknologi Hijau dan Produk Eko (IGEM) 2018

IGEM dianjurkan untuk meningkatkan pelaburan dan potensi perniagaan industri berdasarkan teknologi hijau serta memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan aplikasi teknologi hijau dan amalan hidup 'hijau'. Bertemakan '*Green Economy & Industry 4.0: Achieving Sustainable Development Goals*', IGEM 2018 telah berjaya merekodkan potensi pelaburan dan perniagaan berjumlah RM4.155 bilion, penyertaan pempamer dari 176 organisasi tempatan dan luar negara yang telah membuka 280 reruai (*booth*) pameran dan menerima kunjungan seramai 39,803 pengunjung perniagaan (*trade visitors*) dan orang awam.





Pembinaan reruai (booth) pameran IGEM 2018 adalah berkonsepkan hijau dan pengoperasiannya mempraktikkan amalan kitar semula dan kecekapan tenaga.

17 Oktober 2018

Pelancaran Pelan Hala Tuju Malaysia ke arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna 2018 – 2030

YB Puan Yeo Bee Yin telah melancarkan Pelan Hala Tuju Malaysia ke arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna 2018 – 2030 (Malaysia's Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics, 2018 – 2030) semasa IGEM 2018. Dengan visi, 'Ke arah sifar penggunaan plastik sekali guna untuk persekitaran Malaysia yang bersih dan sihat menjelang 2030', Pelan Hala Tuju ini dibangunkan untuk menyediakan hala tuju dasar kepada semua pemegang taruh termasuk kerajaan-kerajaan negeri dalam mengambil pendekatan bersatu dan kolektif bagi mengurangkan penggunaan plastik sekali guna di Malaysia.



17 – 20 Oktober 2018

Program Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) 2018

Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) 2018 diadakan bersempena dengan IGEM 2018 adalah untuk mengetengahkan usaha- usaha Kerajaan dalam memperkasakan ekosistem penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi ke arah pembangunan mapan dan kesinambungan rantai nilai pengkomersialan. Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang MCY@IGEM 2018 ialah Majlis Penyampaian Anugerah MCY 2018, Angels on the Plane, MCY Chat, Dialogue & Networking Session dan Stargazer Mentoring.



19 Oktober 2018**Anugerah Tenaga Nasional (NEA) 2018**

Anugerah Tenaga Nasional (NEA) merupakan pengiktirafan yang diberikan kepada syarikat dan organisasi di Malaysia yang mengamalkan penggunaan tenaga secara cekap dan menyediakan penyelesaian tenaga boleh baharu (*renewal energy*) secara mampan dan cemerlang.





8 November 2018

Anugerah Langkawi-Kelestarian Alam Sekitar

Anugerah Langkawi-Kelestarian Alam Sekitar merupakan anugerah paling berprestij bagi menghargai warganegara Malaysia dan organisasi yang telah memberikan sumbangan yang signifikan dalam kelestarian alam sekitar. Penerima anugerah untuk tahun 2018 bagi kategori individu ialah YBhg. Prof. Dato' Dr. Mazlin bin Mokhtar, Felo Utama, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) manakala penerima bagi kategori organisasi ialah Sime Darby Plantation Berhad.

28 Januari 2019

Majlis Amanat YB Menteri
2019 dan Pelancaran
Inisiatif MESTECC 2019

YB Puan Yeo Bee Yin telah melancarkan 73 Inisiatif MESTECC bagi menetapkan sasaran mencapai hala tuju dan perancangan strategik Kementerian bagi tahun 2019 – 2020. Inisiatif ini dibahagikan kepada tiga sektor utama iaitu 20 inisiatif di bawah Sektor Tenaga, 17 inisiatif di bawah Sektor Sains, Teknologi dan Inovasi (STI), 23 inisiatif di bawah Sektor Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dan disokong oleh enam inisiatif di bawah Kecemerlangan Organisasi serta tujuh inisiatif di bawah Isu-isu Strategik. Dalam amanatnya, YB Puan Yeo Bee Yin menegaskan tiga nilai utama yang perlu ada pada semua warga iaitu Kecemerlangan (*Excellence*), Integriti (*Integrity*) dan Fokus Masa Hadapan (*Future Focused*). Pelancaran Inisiatif MESTECC 2019 yang julung-julung kalinya diperkenalkan ini, disaksikan oleh Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Undangan Negeri, wakil-wakil kementerian / agensi, warga MESTECC, para guru, pelajar dan orang awam.





Kuasai. Laksana. Ungguli!
Own It. Do It. Ace It!"

YB PUAN YEO BEE YIN | 28 Januari 2019



YB Puan Yeo Bee Yin turut melancarkan Malaysia Third National Communication and Second Biennial Update Report (NC3&BUR2). Laporan ini mengandungi maklumat mengenai inventori gas rumah kaca (*greenhouse gases* – GHG) dari sektor-sektor utama pelepasan GHG seperti sektor tenaga, proses industri, sisa, pertanian dan perhutanan.



Projek Green Guardian Mobile juga dilancarkan bertujuan untuk mendidik kanak-kanak berumur 5 hingga 12 tahun mengenai kepentingan membudayakan amalan hijau ke arah masa depan yang mampan. Green Guardian Mobile merupakan sebuah trak yang dilengkapi dengan peralatan interaktif bagi sesi pembelajaran secara langsung menggabungkan elemen pendidikan dan hiburan (*edutainment*).



Pelbagai aktiviti disediakan kepada warga dan para pengunjung luar, antaranya ialah pameran interaktif, realiti maya (VR) dan realiti terimbuh (AR), Sains Bergerak (*Mobile Science*), Sembang Santai (*Pocket Talk*), Kenderaan Elektrik, Permainan Interaktif, Pengesan Radiasi Nuklear, Pengesan Gempa Bumi dan Dinding Interaktif.



“

Apa jua program dan inisiatif yang akan kita rancangkan, perkara penting yang perlu kita ingat bersama, semua usaha yang kita lakukan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan pembangunan ekonomi negara, bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan kebahagiaan kita bersama.”

YBHG. DATUK SERI DR. MOHD AZHAR BIN HJ. YAHAYA | 28 Januari 2019

1 – 7 April 2019

Minggu Sains Negara 2019 Fasa I

Majlis Perasmian Minggu Sains Negara 2019 telah disempurnakan oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada 2 April 2019 di Pusat Sains Negara. Minggu Sains Negara 2019 yang bertemakan 'Sains untuk Kesejahteraan' dianjurkan secara berfasa bagi memastikan inisiatif untuk menyemarakkan gerakan sains kebangsaan ini dilaksanakan secara lebih berfokus, berkesinambungan dan menyeluruh agar manfaatnya dapat dinikmati oleh lebih ramai rakyat Malaysia. Pengajuran Minggu Sains Negara 2019 Fasa I yang telah berlangsung pada 1 hingga 7 April 2019 melibatkan lokasi-lokasi di empat buah negeri iaitu Kuala Lumpur (Pusat Sains Negara dan Planetarium), Terengganu, Sabah dan Sarawak.



Tun Dr. Mahathir turut merasmikan Galeri Science Valley di Pusat Sains Negara yang merupakan galeri teori sains asas yang memfokuskan pada bidang fizik, kimia, biologi dan alam semula jadi. Galeri yang berkonsepkan *hands-on* dan *minds-on* ini dibangunkan bagi memberi pengalaman pembelajaran sains yang mengujakan secara visual, auditori, kinestetik dan *immersive*.



Program Butterfly Go Free dianjurkan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat umum tentang kepentingan penjagaan alam sekitar, kerana fungsi serangga ini selain daripada menjadi salah satu ejen pendebungan yang membantu pokok-pokok untuk menghasilkan bunga dan buah-buahan serta bijian, rama-rama juga adalah sumber makanan kepada haiwan lain. Rama-rama juga merupakan simbol kecantikan dan kebebasan selain melambangkan tahap kesihatan ekosistem sesuatu tempat. Semasa program ini, sebanyak 600 ekor rama-rama daripada 10 jenis spesis berbeza telah dilepaskan, sekaligus mendapat pengiktirafan Malaysia Book of Records kerana berjaya mencatatkan Most Number of Butterflies Released in an Event.

Minggu Sains Negara 2019 di Pusat Sains Negara menyajikan pelbagai aktiviti menarik kepada para pengunjung antaranya ialah Pameran Tangisan Sungai Kim Kim, Meet the Scientist, Fun with 3D Pen, Let's Experiments!, paintball, memanah, giant bubbles dan Program Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY).



Antara acara-acara utama yang diadakan di Planetarium Negara bersempena dengan Minggu Sains Negara 2019 ialah KL Sci Fi Weekend, Simulasi Langit Malam, Kem Angkasa Cilik 2, Klinik Astronomi (Falak Online), Kem Angkasa Generasi Marikh 2019, Malam Bimasakti Menari, pencerapan matahari dan Dino Augmented Reality.



Minggu Sains Negara 2019 turut berlangsung di Negeri Terengganu. Antara aktiviti menarik yang telah diadakan ialah STI Troopers, Science Fair, Ejen Sains dan STI Island Hopping.



Antara aktiviti menarik yang telah diadakan di Minggu Sains Negara 2019 Negeri Sabah ialah Science Games, Pertandingan Idola Penyampai Cuaca , Mini Lab dan Simposium Rombituan.



Minggu Sains Negara 2019 di Negeri Sarawak pula berlangsung dengan meriahnya dengan pelbagai aktiviti menarik antaranya ialah Pertandingan Penyiasatan CSI, Rocket Project, Pencerapan Cuaca, Household e-Waste dan Making Star Chart.



11 April 2019**Mesyuarat Jawatankuasa
Pilihan Khas Hubungan Antara
Negeri-Negeri dan Persekutuan**

Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan Antara Negeri-Negeri dan Persekutuan telah dipengerusikan oleh YB Tuan Hassan bin Abdul Karim, Ahli Parlimen Pasir Gudang. MESTECC telah membentangkan mengenai isu-isu alam sekitar, tenaga serta sains dan teknologi dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Hubungan Antara Negeri-Negeri dan Persekutuan Bil. 4/2019.





26 April 2019

Majlis Sambutan Jubli Perak
Planetarium Negara

Dengan tema 'Terukir di Bintang', Majlis Sambutan Jubli Perak 25 Tahun Planetarium Negara telah diadakan sebagai tanda penghargaan atas peranan Planetarium Negara yang telah banyak memberi impak kepada industri tiga bidang utama iaitu penyelidikan astronomi atau astrophizik, pembangunan teknologi angkasa dan aplikasi angkasa. Majlis ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri. Semasa majlis, beliau turut melancarkan Buku 25 Tahun Planetarium dan koleksi tudung berkonsepkan batik angkasa yang dikeluarkan oleh Kelab Planetarium (K-Planet).



18 Jun 2019**8th Malaysian International Seminar on Antarctica (MISA8)**

8th Malaysian International Seminar on Antarctica (MISA8) yang bertemakan '*Polar Regions in the Global Climate System*', telah disempurnakan oleh Penaung YPASM iaitu Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan Terengganu. MISA8 dianjurkan dengan kerjasama antara MESTECC, Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM), Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan (NARC) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). MISA bermula pada tahun 2002 dianjurkan dua tahun sekali untuk mewujudkan sesi perkongsian dan pembentangan hasil penyelidikan di Artik, Antartik dan Laut Selatan oleh penyelidik tempatan dan antarabangsa.





16 Julai 2019

**Pelancaran dan Pembekalan Sistem
10kW Mikro Hidro-Solar Hibrid**

Terletak kira-kira 176km dari Kota Kinabalu, penduduk Kampung Walou, Ranau kini menikmati bekalan elektrik asas untuk kegunaan seharian dengan siapnya Sistem Hibrid Solar-Mikro Hidro dengan kapasiti 10kW. Projek ini dilaksanakan oleh pihak Ranhill dengan kerjasama daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) dan penduduk Kampung Walou serta dibiayai oleh dana Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) Sabah.



22 Julai 2019**Pertandingan Debat Sains,
Teknologi dan Inovasi (DeSTI)**

Pertandingan Debat Sains, Teknologi dan Inovasi (DeSTI) merupakan usaha yang diketengahkan untuk memartabatkan budaya perbahasan bagi mendukung kelestarian dalam proses memajukan negara melalui pendekatan sains, teknologi dan inovasi (STI). Pada tahun ini, DeSTI turut diberi nafas baharu dengan sokongan MESTECC apabila dijenamakan sebagai DeSTI 2.0, Piala Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

**AKHIR**

**KITA SUDAH SERIUS DALAM MENANGANI
KRISIS SISA BUANGAN RENTAS SEMPADAN**



23 Julai 2019**Pelancaran Cabaran Bandar Rendah Karbon 2030 (LCC2030C)**

Pelancaran Cabaran Bandar Rendah Karbon 2030 (LCC2030C) merupakan inisiatif baharu MESTECC yang mensasarkan bandar-bandar di Malaysia ke arah bandar karbon rendah. Bagi merealisasikan inisiatif ini, MESTECC melalui Malaysia Green Technology Corporation (MGTC) akan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk mewujudkan Zon Rendah Karbon di setiap ibu negeri dan kawasan bandar utama di seluruh negara. Matlamat inisiatif ini adalah selari dengan Cabaran Bandar Rendah Karbon 2030 untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon keseluruhan dari bandar di seluruh negara selaras dengan komitmen negara untuk mengurangkan pelepasan gas rumah kaca sebanyak 45 peratus menjelang tahun 2030.



1 – 15 Ogos 2019**Minggu Sains Negara 2019 Fasa II**

Minggu Sains Negara 2019 Fasa II telah berlangsung di 10 buah negeri iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, Kedah, Perak, Kelantan, Selangor dan Pulau Pinang. Pelbagai program telah dilaksanakan di negeri-negeri yang terlibat yang mana program-program sambutan kali ini memfokuskan pada Kempen Hindari Penggunaan Plastik Sekali Guna dan kempen kesedaran berkaitan penjagaan alam sekitar.





Melalui pendekatan 'Sains itu Menyeronokkan (Science is Fun)', Minggu Sains Negara menerapkan konsep pembelajaran interaktif, pertunjukan sains, pertandingan berkonseptan sains, aplikasi sains yang digunakan dalam kehidupan dan pelbagai lagi program yang bukan hanya boleh dilihat tetapi boleh disertai, dirasai dan digunakan.









2 Ogos 2019

Mesyuarat Menteri-menteri Alam Sekitar dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Yang Bertanggungjawab Mengenai Alam Sekitar (MEXCOE) Bil. 1/2019

Mesyuarat MEXCOE merupakan forum formal untuk menggalakkan kerjasama dan penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam pengurusan dan isu-isu alam sekitar. Kerjasama berterusan melalui platform MEXCOE adalah penting bagi memastikan kesinambungan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri menyampaikan perkhidmatan yang terbaik demi kesejahteraan rakyat dan negara.



“

Kelestarian mengharmonikan pembangunan sosioekonomi dengan pemuliharaan alam sekitar dan sumber semula jadi bagi memenuhi keperluan generasi sekarang tanpa mengetepikan keperluan generasi akan datang. Pemboleh daya ini merupakan usaha untuk memacu pembangunan negara melalui pertumbuhan hijau yang menekankan pembangunan rendah karbon, cekap sumber, berdaya tahan dan inklusif. Tanggungjawab memelihara kelestarian alam sekitar dan sumber semula jadi bukan terletak sepenuhnya kepada Kerajaan tetapi seluruh lapisan masyarakat dengan aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama.”

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030

27 Ogos 2019**Sesi Perjumpaan MESTECC Bersama Penyelidik Universiti Penyelidikan**

YB Puan Yeo Bee Yin bersama pegawai tertinggi MESTECC telah mengadakan sesi perjumpaan dan dialog bersama penyelidik-penyelidik dari Universiti Penyelidikan pada 27 Ogos 2019 di Auditorium Jurutera Radin Umar, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor. Perjumpaan ini dianjurkan bagi membolehkan interaksi secara terus antara YB Puan Yeo Bee Yin bersama para penyelidik mengenai cabaran yang dihadapi dan jenis-jenis bantuan yang boleh diberikan oleh MESTECC selaku Kementerian yang bertanggungjawab terhadap portfolio sains dan teknologi.





12 September 2019

Reception & Screening of BBC Studios' Blue Planet II

Suruhanjaya Tinggi British dan MESTECC telah mengadakan kerjasama bagi menjayakan sesi tayangan khas filem Dokumentari Blue Planet II terbitan BBC Studios. Dokumentari khas ini merupakan satu lagi bentuk kerjasama antara United Kingdom dan Kerajaan Malaysia dalam usaha menangani masalah global berkaitan pencemaran plastik dan perubahan iklim. Blue Planet II, siri dokumentari hidupan liar yang diacarkan oleh Sir David Attenborough ini, disiarkan di Radio Televisyen Malaysia (RTM) untuk tontonan seluruh negara. Siri dokumentari ini diharapkan akan membantu meningkatkan kesedaran pelbagai lapisan masyarakat mengenai kepentingan pemuliharaan marin, kepentingan menjaga alam sekitar dan bahaya pencemaran plastik kepada ekosistem semula jadi.

12 – 21 September 2019

Operasi Pemberian Awan (OPA) 2019

Jabatan Meteorologi Malaysia (MMD) dengan kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah menjalankan Operasi Pemberian Awan (OPA) atau '*cloud seeding*' untuk mengurangkan kesan jerebu yang melanda bahagian barat Semenanjung Malaysia dan bahagian barat Sarawak. Proses pemberian awan membabitkan penggunaan larutan garam yang dicampur air, dimuatkan dalam satu tangki OPA. Pesawat yang membawa tangki OPA akan berlepas pada jarak ketampakan minimum 500 meter dan pesawat mula memasuki awan yang dipilih kebiasaannya pada ketinggian 1,500 hingga 2,500 meter dari permukaan. Seterusnya, semburan larutan garam itu akan dimulakan di kawasan tertentu melalui awan kumulus bertujuan menggalakkan pembentukan titisan awan dan jika beratnya mencukupi, ia mampu turun sebagai hujan. Kebiasaannya, hujan berlaku antara tempoh 30 hingga 60 minit selepas OPA dilaksanakan.



16 – 17 September 2019

Program Plastic Free Ocean (PFO)

MESTECC telah menganjurkan Program Plastic Free Ocean (PFO) di Pulau Tioman, Pahang sebagai kick-off kepada Program Hindari Plastik Sekali Guna bersempena dengan Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2019 yang disambut mulai 16 September hingga 19 Oktober 2019.

Hasil daripada program ini, sebanyak 850 kilogram (kg) sampah (200 kg ghost net, 300 kg tali dan 350 kg plastik, botol plastik dan lain-lain) telah berjaya dikumpulkan. Melalui program lain anjuran Cawangan Taman Laut Negeri Pahang pula, sebanyak 500 kg ghost net telah berjaya dikumpulkan.



19 September 2019

Sesi Taklimat kepada Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat mengenai Inisiatif Sektor Tenaga dan Sektor Alam Sekitar, MESTECC

Sesi Taklimat kepada Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat mengenai Inisiatif Sektor Tenaga dan Sektor Alam Sekitar, MESTECC dianjurkan bagi membentangkan beberapa Inisiatif MESTECC 2019 antaranya ialah Malaysia Electricity Supply Industry (MESI) 2.0, Program Rebat Bil Elektrik RM40, Program Pemeteran Tenaga Bersih (NEM), Pengurusan Aduan oleh Suruhanjaya Tenaga dan Jabatan Alam Sekitar serta Penggubalan Rang Undang-Undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga (EECA). Sesi ini juga telah memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memberikan pandangan serta cadangan bagi menambah baik dasar dan inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh MESTECC.



9-11 Oktober 2019

Persidangan dan Pameran Antarabangsa
Teknologi Hijau dan Produk Eko (IGEM) 2019

Persidangan dan Pameran Antarabangsa Teknologi Hijau dan Produk Eko (IGEM) 2019 yang bertemakan '*Innovating Sustainability*', telah dirasmikan oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia. IGEM 2019 yang merupakan penganjuran edisi yang ke-10 ini telah disertai oleh 300 pem俪er dari 35 buah negara, menjadikannya salah satu acara teknologi hijau, perniagaan dan inovasi yang penting di rantau ini. IGEM kali ini mensasarkan RM2.8 bilion transaksi perniagaan dengan jangkaan kehadiran 35,000 orang pengunjung. Acara tahunan ini akan terus menyumbang kepada kemunculan produk inovatif dan teknologi hijau dalam pelbagai sektor termasuk perbankan dan kewangan, seterusnya menjana pertumbuhan ekonomi hijau yang lebih pesat.







9-11 Oktober 2019**Program Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) 2019**

Bersempena dengan IGEM 2019, turut berlangsung Program Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) 2019 yang merupakan penyumbang penting kepada pertumbuhan ekonomi baharu dalam pembangunan teknologi hasil R&D yang menjadi *output* kepada industri. Sepanjang tempoh Program MCY@IGEM 2019, pelbagai program berkaitan dengan aspek keusahawanan dan pengkomersialan telah diadakan antaranya ialah Grassroot Innovation Forum, Funding Workshop, Biz Talk, MCY Ministerial Dialogue, pelancaran produk, MCY Chat dan MCY Coaching and Mentoring. Selain itu, salah satu program yang menjadi tumpuan ialah Anugerah Tahun Pengkomersialan Malaysia 2019 yang bertujuan memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada organisasi yang telah berjaya meningkatkan tahap daya saing produk/perkhidmatan R&D.





**27 September 2019
& 13 Oktober 2019**

Program Pendidikan
ESTECC di Sekolah

Program Pendidikan ESTECC di Sekolah (ESTECC Education in Schools) adalah bertujuan untuk menyebarluaskan aktiviti kesedaran dan pembudayaan ESTECC di sekolah-sekolah. ESTECC merangkumi tiga sektor utama di bawah MESTECC iaitu Sektor Tenaga, Sains dan Teknologi serta Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Program ini juga merupakan jalinan kerjasama erat antara MESTECC dengan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing. Kerjasama ini diharapkan berterusan pada masa hadapan sebagai salah satu inisiatif membantu para pelajar mempelajari dan menghayati kepentingan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik). Program yang mensasarkan 1 juta penglibatan pelajar ini telah diadakan di beberapa sekolah antaranya ialah SJKC Pei Chai, Muar, Johor pada 13 Oktober 2019 dan SK Presint 16 (2), Putrajaya pada 27 September 2019.





30 Januari 2019


Sidang Media berhubung
Rebat Bil Elektrik RM40

Belanjawan 2019 telah memperuntukkan sebanyak RM140 juta untuk subsidi rebat bil elektrik. Rebат Bil Elektrik RM40 yang diperkenalkan ini adalah berbeza berbanding Program Subsidi Bil Elektrik RM20 sebelum ini, yang disalurkan tanpa mengira pendapatan bulanan atau warganegara penerimanya. Program Rebат Bil Elektrik RM40 dilaksanakan secara bersasar.

15 Februari 2019

Sidang Media Berhubung Pelaksanaan
Pembidaan Terbuka Projek Loji Jana Kuasa
Solar Berskala Besar (Large Scale Solar-LSS)
Pusingan Ketiga

Selaras dengan komitmen Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan kapasiti penjanaan Tenaga Boleh Baharu (TBB) kepada 20 peratus menjelang tahun 2025, Kerajaan telah membuka tawaran untuk membangunkan Projek Loji Jana Kuasa Solar Berskala Besar Pusingan Ketiga (Large Scale Solar 3- LSS 3), dengan jumlah kapasiti sebanyak 500MW di Semenanjung Malaysia. Ini dilaksanakan melalui proses bidaan terbuka.





11 April 2019

Sidang Media berhubung Fasiliti Perkongsian Kemudahan dan Peralatan Saintifik Nasional (NSFE)

Fasiliti Perkongsian Kemudahan dan Peralatan Saintifik Nasional (NSFE) atas talian buat pertama kalinya diwujudkan dan membuka peluang potensi penggunaan 1200 peralatan saintifik kepada sektor industri bagi merancakkan lagi kerjasama R&D. NSFE ini merupakan inisiatif bagi menggalakkan sektor industri untuk bekerjasama dengan sektor awam. Usaha ini dijangka akan meningkatkan sumbangan perbelanjaan sektor industri dalam R&D mencapai sehingga 70 peratus.



3 Mei 2019

Sidang Media Berhubung Permohonan Dana Program Malaysia Social Innovation (MySI) 2019

MESTECC telah membuka tawaran permohonan Dana Program Malaysia Social Innovation (MySI) 2019 kepada semua Agensi/Syarikat Berkaitan Kerajaan yang berada di bawah semua kementerian. Tujuan dana ini adalah bagi meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat dengan keutamaan kepada golongan B40 melalui pelaksanaan projek aplikasi teknologi R&D tempatan berinovatif yang telah dibangunkan dan sedia dilaksanakan secara mampan.



6 Mei 2019

Sesi Temu Bual Khas Berhubung
Pencapaian Inisiatif MESTECC 2019

YB Puan Yeo Bee Yin telah membentangkan pencapaian keseluruhan suku tahun pertama bagi Inisiatif MESTECC 2019 kepada para pengamal media jemputan. Inisiatif ini meliputi Sektor Tenaga, Sektor Sains, Teknologi dan Inovasi, Sektor Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Kecemerlangan Organisasi serta Isu-isu Strategik.

14 Mei 2019

Sidang Media Berhubung Pelancaran Laman Web SEDA yang Baharu dengan Paparan Microsite Tenaga Boleh Baharu dan Aplikasi Kalkulator Pemeteran Tenaga Bersih (NEM)

MESTECC melancarkan Laman Web Sustainable Energy Development Authority (SEDA) Malaysia yang baharu dengan paparan microsite Tenaga Boleh Baharu (TBB) dan aplikasi kalkulator Pemeteran Tenaga Bersih (NEM) bagi membolehkan orang ramai mengakses maklumat yang lebih terperinci mengenai skim NEM dan Program TBB di Malaysia.

16 Mei 2019

**Sidang Media Berhubung
Kerjasama Malaysia dan
United Kingdom dalam Bidang
Perubahan Iklim dan Inisiatif
Karbon Rendah**

MESTECC telah bersetuju untuk bekerjasama dengan Kerajaan United Kingdom dalam bidang perubahan iklim dan inisiatif karbon rendah. Program kolaborasi selama empat tahun di bawah United Kingdom Partnering for Accelerated Climate Transitions (UKPACT) ini adalah bertujuan untuk memperkasa, mempromosi dan membangunkan inisiatif perubahan iklim dan kerjasama peralihan karbon rendah antara dua negara atas dasar kesamarataan dan manfaat bersama.



17 Mei 2019

Sidang Media Berhubung Keputusan Persidangan Konvensyen Basel Ke-14

MESTECC dan Kerajaan Malaysia telah menyuarakan sokongan penuh terhadap Conference of the Parties (COP14) Persidangan Konvensyen Basel ke-14 yang telah berlangsung dari 29 April hingga 10 Mei 2019 di Geneva, Switzerland. Delegasi Malaysia telah berjaya mencapai misi pada persidangan kali ini dengan pindaan Konvensyen Basel yang akan mengawal pergerakan plastik dengan lebih ketat pada masa depan. Delegasi Malaysia terdiri daripada wakil MESTECC, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Jabatan Alam Sekitar.



31 Mei 2019

Sidang Media Berhubung Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) 2.0

Kerajaan terus menyokong pembangunan perniagaan hijau dengan pengembalian semula Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) 2.0 dengan dana / pembiayaan baharu yang diperuntukkan sehingga RM2.0 bilion untuk tempoh dua tahun dari 2019 hingga 2020. Skim ini akan menyokong enam sektor utama yang merangkumi tenaga, sisa buangan, air, bangunan, pengangkutan dan juga pembuatan.



MESTECC DI PERSADA ANTARABANGSA

PENYERTAAN MALAYSIA DALAM EXPO 2020 DUBAI

Malaysia bakal mengambil bahagian dalam Expo 2020 Dubai di Dubai Exhibition Centre yang akan berlangsung pada 20 Oktober 2020 hingga 10 April 2021 dan MESTECC telah dilantik sebagai Kementerian peneraju. Ekspo dunia ini merupakan salah satu acara tertua dan terbesar di dunia yang mana setiap lima tahun, sebuah bandar raya akan dipilih secara bergilir untuk menjadi tuan rumah kepada acara bertema selama enam bulan ini. Bertemakan '*Connecting Minds, Creating the Future*', Ekspo 2020 Dubai disasarkan untuk membina perkongsian dan menginspirasi idea-idea yang akan mencorak dunia masa hadapan dengan penyertaan oleh 192 negara, beratus-ratus pavilion dan menyasarkan kehadiran 25 juta pelawat.

Pavilion Malaysia yang bertemakan 'Memperkasa Kemampunan (*Energising Sustainability*)', akan ditempatkan di Sustainability District dan berjiran dengan pavilion dari Portugal, Ireland, Kanada, Mexico, Hungary, Korea, dan Filipina. Melalui penyertaan dalam Ekspo ini, Malaysia mensasarkan potensi nilai perdagangan dan / atau pelaburan yang bernilai RM10 bilion, 1,000 peluang perniagaan dan 20 Memorandum Persefahaman (MoU) atau Perjanjian Perkongsian.





YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd Azhar bin Hj. Yahaya, Ketua Setiausaha MESTECC telah mengetuai delegasi Malaysia ke Dubai bagi menandatangani kontrak penyertaan Malaysia dalam Expo 2020 Dubai pada 8 April 2019.





Sidang media oleh YB Puan Yeo Bee Yin berhubung penglibatan Malaysia dalam Expo Dubai 2020 telah diadakan pada 29 April 2019. Dalam majlis yang sama, penajaan tunai berjumlah RM250,000.00 telah diterima daripada syarikat Helios Photovoltaic Sdn. Bhd., iaitu sebuah syarikat Malaysia yang berjaya dalam menyediakan sistem penyelesaian tenaga bersih di Asia Tenggara dan juga membangunkan sistem bersepadu ladang solar di bandar-bandar seluruh Eropah dan Asia.



Pada 5 Julai 2019, YB Puan Yeo Bee Yin telah melancarkan Kempen #MyButterflyEffect untuk Pavilion Malaysia di Ekspo 2020 Dubai dan dihadiri oleh YAM Tunku Zain Al-'Abidin ibni Tuanku Muhriz yang dilantik sebagai Duta #MyButterflyEffect. #MyButterflyEffect adalah simbolik yang menjelaskan bagaimana tindakan kecil di sesuatu lokasi boleh memberikan impak yang besar di lokasi yang lain. Penglibatan Malaysia dalam Expo 2020 Dubai ini juga dapat menginspirasikan dunia ke arah masa hadapan yang hijau yang mampan.



Pada 1 Oktober 2019, MESTECC telah melancarkan konsep dan reka bentuk Pavilion Malaysia di Expo 2020 Dubai, 'Kanopi Hutan Hujan', yang akan menjadi seni bina yang mampan dengan reka bentuk termasuk ciri kecekapan tenaga seperti fotovoltaik, pengudaraan semula jadi, lampu LED dan kelengkapan kecekapan air. Pavilion Malaysia mengaplikasikan tema 'Memperkasa Kemampahan (*Energising Sustainability*)', yang memberi tumpuan kepada usaha dan komitmen Malaysia dalam mengimbangi kemajuan ekonomi dengan keprihatinan alam sekitar. Pembinaan Pavilion Malaysia ini akan bermula menjelang akhir tahun 2019.



Pada 10 Oktober 2019, YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan Pavilion Bebas Karbon (Malaysia's Net Zero Carbon Pavilion) untuk penyertaan negara di Expo 2020 Dubai. Ini adalah selari dengan komitmen Malaysia untuk mengurangkan pelepasan karbon di bawah Perjanjian Paris.



5 Oktober 2018

The 14th Meeting of The Conference of the Parties to the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution

YB Puan Yeo Bee Yin telah mengetuai Delegasi Malaysia ke 14th Meeting of The Conference of the Parties to the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution yang diadakan di Nay Pyi Taw, Myanmar. Mesyuarat ini telah membincangkan pelbagai perkara antaranya mengenai kajian semula pelaksanaan Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (AATHP), pengemaskinian ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) berhubung kajian dan tinjauan cuaca dan keadaan jerebu bagi rantau ASEAN dan pencapaian tahun kedua pelaksanaan Roadmap on ASEAN Cooperation towards Transboundary Haze Pollution Control with Means of Implementation.



23 – 25 Januari 2019

**Third Forum of Ministers
and Environment Authorities
of Asia Pacific**

Malaysia diwakili oleh YB Puan Yeo Bee Yin menyuarakan mengenai isu pencemaran plastik di Third Forum of Ministers and Environment Authorities of Asia Pacific. Beliau memaklumkan bahawa Malaysia menerapkan konsep mengurangkan, guna semula, kitar semula dan penggantian. Di samping itu, Malaysia percaya terdapat alternatif kepada bahan plastik yang lebih mesra kepada alam sekitar.



THIRD FORUM OF MINISTERS AND ENVIRONMENT AUTHORITIES OF ASIA PACIFIC

#SolveDifferent

23 - 25 January 2019 | Singapore



10-11 Julai 2019**30th Meeting of ASEAN Senior Officials
on the Environment (ASOEN)**

YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd Azhar bin Hj. Yahaya, Ketua Setiausaha MESTECC telah menghadiri 30th Meeting of ASEAN Senior Officials on the Environment (ASOEN) yang diadakan di Bangkok, Thailand. Mesyuarat ASOEN menghimpunkan para pegawai kanan untuk membincangkan isu persekitaran serantau dan pelaksanaan dasar persekitaran kolektif. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat kali ini ialah mengarusperdanakan biodiversiti, pencalonan Taman Warisan ASEAN yang baharu, pengurusan kawasan perlindungan, persediaan untuk 15th Meeting of the Conference of the Parties to the Convention on Biodiversity (CBD COP 15) dan input ASEAN untuk Post-2020 Global Biodiversity Framework.





23 Julai 2019

**4th Biennial International Conference on
Women in Science, Technology & Innovation**

4th Biennial International Conference on Women in Science, Technology & Innovation merupakan platform untuk mengetengahkan isu-isu mengenai wanita dan berkongsi pencapaian serta kejayaan wanita dalam bidang sains dan teknologi. Persidangan anjuran Pusat Antarabangsa Sains, Teknologi dan Inovasi bagi Kerjasama Selatan-Selatan di bawah Naungan UNESCO (ISTIC) ini merupakan kesinambungan daripada resolusi Persidangan Antarabangsa yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 2017. Dua resolusi tersebut adalah merujuk pada teknologi berkaitan dengan jurang digital antara jantina dan perdagangan internet ke arah memperkasakan wanita.





7 - 9 September 2019

**15th ASEAN Ministers on Environment
(AMME)**

Delegasi Malaysia yang diketuai oleh YB Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis semasa menghadiri Mesyuarat ke-15 Menteri-Menteri Alam Sekitar ASEAN (15th ASEAN Ministers on Environment - AMME), sesi dialog dan mesyuarat-mesyuarat berkaitan telah menggesa negara-negara anggota ASEAN untuk terus menangani masalah pencemaran alam sekitar di rantau ini. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Menteri-menteri Alam Sekitar serta Pegawai-pegawai Kanan dari 10 buah Negara Anggota ASEAN.



11 Oktober 2019

**18th ASEAN Ministerial Meeting on
Science, Technology and Innovation
(AMMSTI-18)**

YB Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis telah mengetuai Delegasi Malaysia ke 18th ASEAN Ministerial Meeting on Science, Technology and Innovation (AMMSTI-18) yang diadakan di Singapura. Semasa mesyuarat ini, YB Isnaraissah menggesa Menteri-menteri ASEAN untuk memberi lebih perhatian dalam menangani isu rentas sempadan menerusi penyelarasan respons serantau melalui kerjasama R&D yang melibatkan Negara Anggota ASEAN. Antara isu yang berkaitan ialah pencemaran plastik, air, keselamatan makanan dan banjir. Selain itu, beliau juga menegaskan keperluan untuk melengkapkan para penyelidik muda di ASEAN dengan kemahiran yang diperlukan serta memperkasakan mereka untuk memainkan peranan utama dalam meningkatkan daya tahan rantau terhadap gangguan yang dijangka dan tidak dijangka pada masa depan.

KUNJUNGAN HORMAT MENGERAT KERJASAMA

2 Ogos 2018

Kunjungan Hormat Delegasi British Antarctic Survey, United Kingdom

Dr. Beatrix Gabrielle Schlarb-Ridley, Pengarah Inovasi dan Impak, British Antarctic Survey, United Kingdom telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YB Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis bertujuan untuk memperkuuh hubungan kerjasama dua hala di antara kedua-dua negara dalam bidang penyelidikan Antartika.



27 Ogos 2018

**Kunjungan Hormat Duta Besar Norway
ke Malaysia ke atas YB Menteri**

T.Y.T. Gunn Jorid Roset, Duta Besar Norway ke Malaysia telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YB Puan Yeo Bee Yin, yang turut disertai oleh YB Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis dan YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd. Azhar bin Hj. Yahaya. Kunjungan ini bertujuan untuk membincangkan hubungan strategik baharu antara Malaysia dan Norway dalam pembangunan tenaga, sains, teknologi, alam sekitar dan perubahan iklim.



27 Ogos 2018

Kunjungan Hormat Delegasi Kesatuan Eropah ke Malaysia

Kunjungan hormat daripada H.E. Maria Castillo Fernandez, Ketua Delegasi Kesatuan Eropah ke atas YB Puan Yeo Bee Yin adalah bagi membincangkan mengenai kerjasama berhubung komitmen terhadap perubahan iklim dan inisiatif-inisiatif dalam tenaga boleh baharu (*renewel energy*) dari segi pembinaan kapasiti dan perkongsian kepakaran antara Kesatuan Eropah dengan Malaysia.



29 Oktober 2018

Kunjungan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia

Encik David Thomas, Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YB Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis bagi memperkuatkan hubungan kerjasama dua hala di antara kedua-dua negara.



26 November 2018**Kunjungan Hormat Duta Besar Perancis ke Malaysia**

H.E. Frédéric Laplanche, Duta Besar Perancis ke Malaysia telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YB Puan Yeo Bee Yin bertujuan untuk memperkuat hubungan kerjasama dua hala di antara kedua-dua negara dalam bidang tenaga, sains dan teknologi serta perubahan iklim.

**17 Disember 2018****Kunjungan Hormat Duta Besar Qatar ke Malaysia**

H.E. Fahad Mohamed Kafoud, Duta Besar Qatar Ke Malaysia telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YB Puan Yeo Bee Yin bertujuan untuk memperkuat hubungan kerjasama dua hala di antara kedua-dua negara.



22 Januari 2019**Kunjungan Hormat Delegasi Angkatan Tentera Malaysia (ATM)**

Delegasi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang diketuai oleh YBhg. Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj. Zulkifli Hj. Zainal Abidin, Panglima Angkatan Tentara dan disertai oleh Pegawai-pegawai Kanan Perkhidmatan Darat, Laut dan Udara telah mengadakan kunjungan hormat ke MESTECC dan telah disambut oleh YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd. Azhar bin Hj. Yahaya. Tujuan kunjungan hormat ini adalah untuk membolehkan MESTECC dan ATM berkongsi maklumat mengenai teknologi terkini pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang berkaitan dengan bidang ketenteraan.



18 April 2019

**Kunjungan Hormat Duta Besar
Denmark ke Malaysia**

Kunjungan hormat Delegasi Kedutaan Denmark yang diketuai oleh H.E. Jesper Vahr ke atas YB Puan Yeo Bee Yin adalah bagi membincangkan mengenai isu-isu pengurusan tenaga dan kecekapan tenaga.



14 Mei 2019

Kunjungan Hormat Duta Besar Iran ke Malaysia

H.E Marzieh Arkham, Duta Besar Iran ke Malaysia telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd. Azhar bin Hj. Yahaya bertujuan untuk memperkuatkan hubungan kerjasama dua hala di antara kedua-dua negara.



17 Jun 2019

Kunjungan Hormat Duta Besar China ke Malaysia

Kunjungan hormat H.E. Bai Tian, Duta Besar China ke Malaysia ke atas YB Puan Yeo Bee Yin adalah bagi membincangkan persiapan lawatan kerja YB Menteri ke Beijing pada 23 hingga 26 Jun 2019. Dalam lawatan kerja tersebut, YB Menteri bertemu dengan pelbagai agensi dari beberapa kementerian untuk membincangkan polisi-polisi yang berkaitan dengan MESTECC.



27 Jun 2019**Kunjungan Hormat Delegasi National Centre for APEC**

YB Puan Yeo Bee Yin telah menerima kunjungan hormat daripada Delegasi National Centre for APEC yang diketuai oleh Ms. Monica Whaley, Presiden, National Centre for APEC. Kunjungan hormat ini bertujuan untuk mewujudkan peluang kerjasama dengan pembuat dasar dan membincangkan isu-isu perdagangan, pelaburan, dan pengawalseliaan dalam pembangunan ekonomi rantau Asia Pasifik. Antara syarikat yang turut serta dalam sesi ini ialah Airbnb, Caterpillar, Chevron, Exxon Mobil E&P Malaysia, Citi, Google, FedEx, General Electric International Inc., Johnson & Johnson Sdn. Bhd, Metlife Asia, Microsoft Malaysia, PwC dan UL LLC.



TURUN PADANG MENCAKNA MASALAH RAKYAT



16 Ogos 2018

Lawatan YB Menteri ke Kawasan
Kebakaran Tanah Gambut Johan Setia

Lawatan YB Puan Yeo Bee Yin ke kawasan tanah gambut di Bandar Putera 2, Johan Setia, Klang, Selangor adalah berikutan kebakaran yang telah berlarutan selama empat hari di kawasan seluas 50 hektar. Kawasan kebakaran yang terletak di sekitar kawasan perumahan dikhuatiri akan menjaskan persekitaran dan menyumbang pada kejadian jerebu serta menyebabkan gangguan kesihatan kepada penduduk sekitar. Antara agensi yang turut sama dalam lawatan ini ialah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Alam Sekitar, Majlis Perbandaran Klang, Jabatan Meteorologi Malaysia dan wakil penduduk.



4 Oktober 2018

Operasi Penguatkuasaan Bersepadu
di Sekitar Kuala Langat

YB Puan Yeo Bee Yin telah mengetuai operasi penguatkuasaan bersepadu ke atas kilang kitar semula plastik haram di sekitar Kuala Langat yang dijalankan bertujuan untuk menghentikan (menyita) operasi kilang yang terlibat. Operasi ini melibatkan beberapa agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Alam Sekitar, Majlis Daerah Kuala Langat, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat, Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Selangor, Tenaga Nasional Berhad dan Syarikat Bekalan Air Selangor.





11 November 2018

Pendengaran Awam oleh Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi Lynas Advanced Materials Plant

MESTECC telah menganjurkan Sesi Pendengaran Awam oleh Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi Lynas Advanced Materials Plant di Bandar Indera Mahkota, Kuantan, Pahang. Sesi ini dianjurkan bertujuan untuk mendengar penjelasan daripada semua pihak berkepentingan termasuklah Lynas Malaysia Sdn. Bhd., pertubuhan bukan kerajaan (NGO), agensi kerajaan, pakar-pakar dalam bidang pengurusan alam sekitar, kesihatan awam dan keselamatan sinaran radioaktif. Orang awam juga hadir bagi mendengar sendiri penjelasan daripada semua pihak yang terlibat dan sesi ini juga disiarkan secara langsung melalui Facebook MESTECC.






17 Januari 2019**Operasi Penguatkuasaan Bersepadu
Kilang Kitar Semula Plastik Terpakai
di Sekitar Klang**

Operasi Penguatkuasaan Bersepadu ke Kilang Kitar Semula Plastik Terpakai di sekitar Kampung Teluk Gong, Pelabuhan Klang yang diketuai oleh YB Puan Yeo Bee Yin pada kali ini adalah melibatkan serbuan ke atas dua buah kilang kitar semula plastik terpakai dan kawasan pembakaran terbuka plastik haram.





25 Februari 2019

**Operasi Khas Bersepadu
ke atas Premis Kitar Semula Plastik
di Negeri Sembilan**

Operasi Khas Bersepadu ini diketuai oleh YB Puan Yeo Bee Yin bersama-sama dengan agensi-agensi berkaitan di Negeri Sembilan termasuklah Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Majlis Perbandaran Seremban, Majlis Perbandaran Nilai, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen, Tenaga Nasional Berhad dan Pejabat Daerah dan Tanah Seremban, Syarikat Air Negeri Sembilan serta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.





7 Mac 2019**Kes Pencemaran Bahan Kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor**

Kes pencemaran bahan kimia di Sungai Kim Kim telah menyebabkan penduduk terutamanya para pelajar sekolah di sekitar Taman Kota Masai dan Taman Pasir mengalami simptom loya-loya dan sesak nafas. Jabatan Alam Sekitar telah menerima aduan pencemaran bau dan berdasarkan maklumat awal daripada Pasukan HAZMAT Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, bau tersebut disyaki berpunca daripada pembuangan sisa bahan kimia di sungai berkenaan. Sehubungan dengan itu, MESTECC melalui Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kimia Malaysia, Agensi Angkasa Malaysia dan Jabatan Meteorologi Malaysia telah digerakkan ke kawasan kejadian bagi memastikan pencemaran tersebut tidak berterusan dan pembersihan dapat dilakukan dengan segera. Pemantauan udara, persampelan air dan kerja-kerja pembersihan sungai dilaksanakan secara berterusan.





2 Mac 2019**Tinjauan Ketua Setiausaha ke
Kawasan Pembakaran Terbuka
di Johan Setia, Klang, Selangor**

Tinjauan YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd Azhar bin Hj. Yahaya ke kawasan pembakaran terbuka di Johan Setia mendapati kebakaran adalah terkawal dan memohon pihak Majlis Perbandaran Klang untuk membantu mengatasi masalah pembakaran terbuka di kawasan ini.



**23 April 2019****Operasi Penguatkuasaan
di Westports, Pelabuhan Klang**

Operasi Penguatkuasaan di Westports, Pelabuhan Klang yang diketuai oleh YB Puan Yeo Bee Yin ini melibatkan pemeriksaan ke atas kontena-kontena yang disyaki mengandungi barang dagangan sisa plastik yang dicemari dengan buangan terjadual. Kontena-kontena yang disyaki ini akan dihantar balik ke negara-negara pengekspor. Operasi ini dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Lembaga Pelabuhan Klang dan Syarikat Westports Malaysia Sdn Bhd. Hasil daripada operasi ini mendapat sebanyak 111 kontena berisi sisa plastik yang diisyiharkan oleh agen penghantaran masih berada di Westports dan 18 lagi di Northports yang belum dituntut oleh pemilik/penerima kontena.



28 Mei 2019

**Operasi Penguatkuasaan di Westports,
Pelabuhan Klang: Penghantaran Pulang
Sisa Plastik ke Negara Pengeksport**

Dalam operasi yang diketuai oleh YB Puan Yeo Bee Yin yang turut disertai oleh YB Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis dan YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd. Azhar bin Hj. Yahaya ini, pemeriksaan penuh telah dijalankan ke atas sembilan buah kontena. Kontena-kontena tersebut dipenuhi dengan sisa plastik yang tercemar, tidak homogen, berkualiti rendah, tidak boleh dikitar semula dan akan diproses di kilang-kilang yang tidak mempunyai teknologi kitar semula yang mesra alam. Sehubungan dengan itu, MESTECC akan menghantar balik 450 tan metrik sisa plastik tercemar daripada 10 buah kontena dan pada masa yang sama menjalankan pemeriksaan ke atas lebih 50 buah kontena yang masuk secara haram.





20 Jun 2019**Operasi Bersepadu Berhubung Aduan Pencemaran Bau di Pasir Gudang, Johor**

Pada 20 Jun 2019, Jabatan Alam Sekiar (JAS) telah menerima aduan mengenai bau gas yang kuat di Sekolah Agama Taman Mawar yang telah menyebabkan 22 orang pelajar sekolah berkenaan mengalami loya-loya dan muntah-muntah. Jawatankuasa Penyelarasan dan Pemantauan serta Jawatankuasa Penyelaras Teknikal dan Saintifik yang dianggotai oleh pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan telah diaktifkan. Operasi bersepadu melibatkan pelbagai agensi telah dijalankan bagi menyiasat dan memeriksa premis-premis yang berpotensi menyumbang kepada pencemaran di sekitar kawasan kejadian. Pemantauan kualiti udara juga dijalankan secara berterusan.





YB Puan Yeo Bee Yin mengadakan dialog bersama dengan pihak industri di kawasan Pasir Gudang bagi mendapatkan pandangan dan kerjasama pihak industri dalam usaha menyelesaikan isu ini.



30 Ogos 2019

**Lawatan YB Timbalan Menteri
ke Kawasan Pembakaran Hutan Gambut
di Kuala Baram, Miri, Sarawak**

YB Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis telah membuat lawatan kerja ke kawasan pembakaran hutan gambut di Kuala Baram, Miri, Sarawak dan meninjau fasiliti sedia ada yang digunakan bagi mengawal kebakaran. Antaranya ialah lawatan ke Menara Tinjau Tudan, Sistem Telemetri Udara, Kawasan Kebakaran di Kuala Baram dan Kemudahan Infrastruktur Tanah Gambut (Telaga Tiub Bawah Tanah dan Projek Sekatan Air). Kualiti udara di Kuala Baram bertambah baik setelah operasi bersepadau oleh agensi-agensi kerajaan berjaya memadamkan kebakaran pada 27 Ogos 2019.





HUBUNGAN HARMONI BERSAMA MEDIA

2 Mei 2018

Malam Temu Mesra Media
bersama YB Menteri

Majlis Temu Mesra Media ini dianjurkan oleh MESTECC bertujuan untuk meraikan para pengamal media yang telah banyak menyumbang dalam menyampaikan maklumat dan agenda Kementerian kepada rakyat dan mewujudkan hubungan yang harmoni antara MESTECC dengan pihak media. Ketua biro, editor, wartawan dan jurukamera dari agensi media cetak, media elektronik dan media dalam talian telah menghadiri majlis yang bertemakan '*Casual, Chill and Relax*' ini.









SEMARAK KASIH BERSAMA WARGA MESTECC



20 Julai 2018**Majlis Amanat dan Ramah Mesra
YB Menteri bersama Warga MESTECC**

Majlis Amanat dan Ramah Mesra YB Menteri bersama Warga MESTECC ini merupakan majlis pertama perjumpaan YB Puan Yeo Bee Yin dan YB Puan Isnaraissah Munirah binti Majlis dengan warga MESTECC yang bertugas di Ibu Pejabat MESTECC dan jabatan/agensi di bawah MESTECC. Dalam majlis ini, YB Menteri telah menyampaikan amanat beliau dan menekankan tiga prinsip utama yang harus dijadikan budaya setiap warga kementerian iaitu Integriti, Kecemerlangan dan Fokus Masa Hadapan.





“

Ada tiga nilai utama yang harus dijadikan budaya dalam kementerian ini. Yang pertama, nilai integriti iaitu *to do the right thing, even no one is looking at you*. Nilai yang kedua ialah cemerlang iaitu *we must pursue excellence in everything we do, no matter what we do, do the right thing right*. Nilai yang ketiga ialah Fokus Masa Hadapan yang mana setiap keputusan dan dasar yang akan dibuat, perlu mengambil kira impak-impak kepada generasi sekarang dan generasi akan datang.”

YB PUAN YEO BEE YIN | 28 Januari 2019



7 Mac 2019**Majlis Apresiasi
MESTECC 2019**

Seramai 450 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) serta 110 orang pesara dan bakal pesara diraikan dalam Majlis Apresiasi MESTECC 2019 yang bertemakan 'Kuasai. Laksana. Ungguli. (Own It. Do It. Ace It.)'. Tema ini dipilih bagi mananifestasikan kecemerlangan dalam penyampaian perkhidmatan MESTECC kepada pemegang taruh dan rakyat agar dapat melahirkan pegawai yang meletakkan kualiti perkhidmatan di tahap tertinggi.





6 Mei 2019**Pelancaran Program Gerobok Rezeki MESTECC**

Gerobok Rezeki MESTECC merupakan inisiatif Jawatankuasa Surau Ar-Raudhah As-Sakinah, bagi mewujudkan budaya baru dalam warga MESTECC melalui medium memberi dan menerima tanpa birokrasi. Program ini yang dilancarkan oleh YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd Azhar bin Hj. Yahya merupakan suatu projek yang menyediakan medium, peluang dan ruang untuk mereka yang berkemampuan berkongsi rezeki melalui pemberian sumbangan.





19 Jun 2019

**Majlis Ramah Mesra
Aidilfitri MESTECC**

Bertemakan 'Beraya Penuh Kelestarian', sambutan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri MESTECC telah berlangsung dengan meriahnya di Dewan Cyber Axis, Cyberjaya. Majlis diserikan dengan kehadiran YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis dan YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd. Azhar bin Hj. Yahaya. Semasa majlis, YB Isnaraissah telah menyampaikan sumbangan Hari Raya kepada warga kumpulan pelaksana MESTECC gred 16 dan ke bawah. Istimewanya sambutan Aidilfitri kali ini dijayakan oleh setiap bahagian dan unit di MESTECC yang turut menyumbang pelbagai juadah untuk dihidangkan kepada para tetamu yang hadir.



Sekitar Majlis Ramah Mesra
Aidilfitri MESTECC





Program CEO Sparkz

Program CEO Sparkz merupakan salah satu program di bawah inisiatif Kecemerlangan Organisasi yang bertujuan menjadikan MESTECC sebagai sebuah tempat bekerja yang terunggul dengan penerapan nilai-nilai Kecemerlangan, Integriti dan Fokus Masa Hadapan. Program ini juga menyediakan satu platform komunikasi antara *high impact leader* dengan warga MESTECC bagi berkongsi aspirasi dan motivasi yang dapat membantu dalam urusan kerja sehari-hari.



CEO Sparkz Siri 1 bertemakan '*A World of Possibilities*' pada 14 Februari 2019 bersama para panel jemputan, Encik Khailee Ng, Pengurus Bersama 500 Start-ups, Encik Syed Ahmad Fuqaha Syed Agil, Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif KATSANA, Encik Nadhir Ashafiq Zainal Abidin, Pengasas Bersama dan Pengarah Eksekutif The Lorry dan Encik Goh Chee Hau, Pengasas Bersama dan Pengarah Urusan The Lorry.

CEO Sparkz Siri 2 bertemakan 'A World of Possibilities' pada 26 April 2019 bersama panel jemputan, Puan Nora A Manaf, Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulan Maybank, Datin Hajah Fouziah Gous, Pengasas FG Walet Bird Nest, Encik Mohammas Ikhwan Mohd Noor, Ketua Pegawai Eksekutif Inter Couture dan Encik Mohd Sukur Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif D'Strikes Solution.



CEO Sparkz Siri 3 bertemakan 'A Twist' pada 27 Jun 2019 bersama panel jemputan, Encik Azran Osman-Rani, Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif Naluri Hidup.





CEO Sparkz Siri 4 bertemakan 'A Twist' pada 22 Ogos 2019 bersama para panel jemputan, Puan Aliza Ali, Pengasas/Pemilik Chatime Malaysia dan Encik George Ang, Ketua Pegawai Eksekutif A&W Malaysia.

“

Saya berharap program seperti CEO Sparkz ini dapat dimanfaat sepenuhnya dan ambillah peluang untuk berfikir di luar kotak dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kerana saya percaya apabila kita bekerja dengan sepenuh hati dan melaksanakan dengan sehabis baik, yang akan mendapat manfaat adalah rakyat dan juga negara kita, Malaysia. Jadi, besarlah harapan kita untuk berkongsi aspirasi para panel program ini bagi membantu mencapai Misi Kementerian untuk menjadikan tempat kerja yang terunggul, fokus masa hadapan dan mempunyai integriti yang tinggi.”

YB PUAN ISNARAISAH MUNIRAH BINTI MAJILIS | 26 April 2019



29 Jun 2019**Konvoi Amal MESTECC**

Kelab Sukan dan Kebajikan MESTECC dengan kerjasama Surau Ar-Raudhah As-Sakinah telah menganjurkan Konvoi Motosikal Kembara Amal MESTECC ke Rumah Anak Yatim dan Miskin Parit 4, Sekinchan, Selangor. Konvoi ini yang disertai oleh 30 orang telah menyampaikan pakaian, makanan dan barang keperluan harian lain yang disumbangkan oleh warga MESTECC kepada rumah anak yatim dan kurang berkemampuan tersebut.





12 Oktober 2019**Kejohanan Boling Antara Jabatan/
Agensi MESTECC**

Kelab MESTECC dengan kerjasama PUSPANITA Cawangan MESTECC dan Tenaga Nasional Berhad telah menganjurkan Kejohanan Boling Antara Jabatan/Agensi MESTECC di Kompleks Sukan Nilai. Kejohanan yang dirasmikan oleh YB Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis dan diiringi oleh YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd Azhar bin Hj. Yahaya ini melibatkan para peserta kejohanan yang telah beraksi cemerlang dalam Kejohanan Boling Tertutup MESTECC yang telah diadakan pada 3 Ogos 2019.





RUJUKAN

<http://hids.arkib.gov.my/>

Cebisan MOSTI Volume 1, 2014

<https://sustainabledevelopment.un.org>

<https://asean.org/meeting-conference-parties-asean-agreement-transboundary-haze-pollution/>

<https://www.asean2019.go.th/en/meeting/30th-meeting-of-asean-senior-officials-on-the-environment-30th-asoen/>

<https://tna.mcot.net/view/5d2600e4e3f8e40a9e6f3829>

<http://habitat3.org/wp-content/uploads/NUA-Bahasa-Malaysia.pdf>

<http://www.21at.sg/newsevents/39th-asian-conference-remote-sensing-acrs-2018/>

<https://www.mea.gov.my/ms/content/wawasan-kemakmuran-bersama-2030>

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Datuk Seri Dr. Mohd. Azhar bin Hj. Yahaya
Ketua Setiausaha, MESTECC

PENASIHAT

Dr. Mohd Nor Azman bin Hassan
Timbalan Ketua Setiausaha (Sains, Teknologi dan Inovasi),
MESTECC

Puan Noor Afifah binti Abdul Razak
Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga), MESTECC

Dr. Nagulendran Kangayatkarasu
Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar dan Perubahan
Iklim), MESTECC

Dato' Parang Abai @ Thomas
Setiausaha Bahagian Kanan Perancangan Strategik,
MESTECC

Encik Mohd Yusri bin Mohd Yusoff
Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan), MESTECC

KETUA PROJEK

Puan Noor Haniza binti Noordin
Ketua Unit Komunikasi Korporat, MESTECC

PENYELARAS PROJEK DAN PENULIS UTAMA

Puan Rosyila binti Abdul Latif
Pegawai Perhubungan Awam
Unit Komunikasi Korporat, MESTECC

PEMBANTU PENYELARAS PROJEK

Puan Nuruljannah binti Khairuddin
Unit Komunikasi Korporat, MESTECC

AHLI JAWATANKUASA

Puan Sharon Kumari Sandanasamy
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Perkhidmatan STI dan Pembudayaan, MESTECC

Encik Imran bin Yussof
Penolong Setiausaha Kanan
Bahagian Regulatori dan Pembangunan Industri, MESTECC

Puan Nur Zawani binti Ibrahim
Penolong Setiausaha Kanan
Bahagian Dasar dan Perubahan Iklim, MESTECC

Puan Mujahidah Khairun Nisak binti Rosli
Penolong Setiausaha Kanan
Bahagian Perancangan Strategik, MESTECC

PENELITI PRUF

Dr. Md Fauzi bin Md Ismail
Pegawai Khas Ketua Setiausaha, MESTECC

Puan Normaizatulakmal binti Tujad
Pegawai Perhubungan Awam Kanan
Unit Komunikasi Korporat, MESTECC

Puan Norizan binti Jamali
Pegawai Komunikasi Strategik
Unit Komunikasi Korporat, MESTECC

Encik Muhammad Syazwan bin Adzhar
Pegawai Khas Ketua Setiausaha, MESTECC

Puan Nurul Naemah binti Hamedan
Unit Komunikasi Korporat, MESTECC

PENYELARAS HAL EHWAL PENTADBIRAN

Encik Rozi bin Muhammad
Penolong Pegawai Tadbir
Unit Komunikasi Korporat, MESTECC

Puan Hasmidar binti Zainun
Pembantu Tadbir
Unit Komunikasi Korporat, MESTECC

JURUFOTO

Encik Mustafa Kamil bin Mokhtar
Jurufoto
Unit Komunikasi Korporat, MESTECC

PENERBIT

Unit Komunikasi Korporat, MESTECC

PENGHARGAAN

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pengurusan atasan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) atas sokongan dan nasihat yang diberikan sehingga Buku MESTECC: Sinergisme ke arah Kemampanan Negara dan Kesejahteraan Rakyat ini berjaya diterbitkan.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Ahli Jawatankuasa Sidang Redaksi, jabatan dan agensi di bawah MESTECC, Kadet Diploma Pentadbiran Awam, INTAN Siri 1, 2019 serta individu-individu yang telah terlibat dalam menyumbangkan buah fikiran dan tenaga dalam usaha menerbitkan buku ini. Ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan penerbitan buku ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.



Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)

Aras 1-7, Blok C4 & C5, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62662 Putrajaya, MALAYSIA

No. Telefon : (603) 8885 8141

No. Faks : (603) 8890 3092

E-mel : ukk@mestecc.gov.my

@mestecc

@MyMESTECC

@mestecc

MESTECC



www.mestecc.gov.my

ISBN 978-967-13297-8-8

